

**LUKISAN GUA DI SEMENANJUNG MALAYSIA: MOTIF
DAN SIMBOLISME SERTA KAITANNYA DENGAN
SOSIOBUDAYA MASYARAKAT SETEMPAT**

***(CAVE PAINTINGS IN PENINSULAR MALAYSIA: MOTIVES, SYMBOLISM
AND SOCIOCULTURAL RELATIONS TO LOCAL SOCIETY)***

Adnan Jusoh, Yunus Sauman @ Sabin & Zuliskandar Ramli

Abstrak

Artikel ini memfokuskan tentang lukisan gua di Semenanjung Malaysia dengan memberi fokus terhadap motif dan simbolisme serta kaitannya dengan masyarakat setempat. Ini kerana terdapat sejumlah tapak lukisan di dinding gua batu kapur yang ditemui di Semenanjung Malaysia namun agak malang ia kurang diketahui oleh kebanyakan orang awam. Sedangkan jika dilihat dari beberapa aspek khususnya seni visual ia jelas memaparkan keunikannya yang tersendiri dengan pelbagai jenis rupa bentuk dan motif. Justeru itu dengan membuat rujukan pada buku dan jurnal, artikel ini ingin menonjolkan beberapa aspek yang boleh dikongsikan. Antaranya, lukisan gua adalah sebahagian daripada seni visual yang perlu dilihat dalam konteks sosiobudaya masyarakat zaman prasejarah atau masyarakat Orang Asli di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia. Elemen motif dan pola hiasannya menampilkan pelbagai jenis figura seperti manusia, binatang, alam semula jadi dan sebagainya. Ia bukan sahaja elemen kreativiti individu yang menghasilkan lukisan gua tersebut, malahan ia seolah-olah merakamkan segala kejadian atau peristiwa, aktiviti masyarakat, amalan atau kepercayaan, persekitaran dan sebagainya. Pendek kata, lukisan gua secara tidak langsung telah memberi pelbagai informasi khususnya berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat yang hidup pada zaman tersebut.

Kata kunci: motif, simbolisme, sosiobudaya, lukisan gua, prasejarah

Abstract

This article focuses on cave paintings in Peninsular Malaysia with emphasis on the motifs, symbolism and relations to local society. This is because a number of limestone cave painting sites in Peninsular Malaysia are sadly not adequately known by the general public. If seen from many aspects especially on visual arts, those painting are very unique with many forms and motifs. By making references to books and journals, this article wishes to expose many aspects that can be shared. Cave paintings, therefore, could be seen as part of visual arts within the sociocultural context of prehistoric societies or of the Orang Asli societies at some locations in the Peninsular Malaysia. The motifs and patterns of expression expose a variety of figures such as human, animal, nature and so forth. The cave paintings are not only the product of individual creativity but also as a record of all events, social activities, happenings, practices and beliefs. In short, caves painting indirectly expose

lots of information especially in relations to the sociocultural part of the society that exist during that time.

Keywords: *Motifs, symbolism, sociocultural, cave paintings, prehistory.*

PENGENALAN

Lukisan gua atau kadang-kadang juga disebut 'lukisan purba' atau 'lukisan primitif', namun dalam bahasa Inggeris biasanya disebut sebagai 'rock painting', 'rock carving', 'rock engravings', atau 'rock art'. Ia merupakan sejenis penghasilan seni tampak di atas permukaan batu atau dinding gua batu kapur. Lukisan gua merupakan salah satu daripada hasil kreativiti berupa seni lukis kerana ia dilukis, dilakar atau digarap oleh seseorang individu pada permukaan dinding gua. Ini kerana terdapat unsur terpenting dalam seni lukis iaitu garis dan tekstur yang melahirkan ciri khusus atau perwatakan seseorang, haiwan, alam semula jadi dan sebagainya. Berdasarkan penemuan di beberapa lokasi, ramai penyelidik merumuskan lukisan gua telah wujud semenjak zaman paleolitik lagi. Pada dasarnya lukisan gua adalah sebahagian daripada sejarah iaitu ia berkait dengan catatan kejadian atau peristiwa masa lalu.

Lukisan gua terdapat di serata dunia dan ia sering dibincangkan oleh para sarjana dalam pelbagai perspektif. Antara beberapa tapak yang pernah ditemui di dunia adalah seperti tapak lukisan gua di Kazakhstan (Semirechye, Sholakhideli, Arpauzen dan Eshkiolmes) (Alexey E. Rogozhinskiy, 2011), Kyrgyzstan (Talas Valley, Kenkol River Valley, Karakol and Uch-Koshoy River Valley) (Bakyt Amanbaeva, et al., 2011) dan Uzbekistan (Bokhali, Kirbukhan, Bironsay, Sasmishsay). Selain itu tapak lukisan gua juga ditemui di Mongolia (Bayan Olgii aimag), Perancis (Chauvet Cave, Niux Cave & Lascaux Cave), Sepanyol (Cave Painting, Deer Hunt), Afghanistan (Wakhan) (John Mock, 2013) dan banyak lagi tapak di serata dunia.




Foto 1. Lukisan Gua (Eropah)
Sumber: Clottes 2003

LATAR BELAKANG

Dalam konteks lukisan gua, selain daripada individu atau masyarakat yang terlibat dalam menghasilkan lukisan gua, isu seperti sejak bila atau zaman mana ia dihasilkan, pentarikhan, pemuliharaan (*conserve*) dan sebagainya sentiasa menjadi polemik dalam kalangan sarjana. Di samping itu, isu lain yang turut dibincangkan ialah sejauh mana wujud hubung kait di antara lukisan gua tersebut dengan sosiobudaya masyarakat yang menghasilkan. Ini kerana secara tidak langsung lukisan gua seolah-olah berperanan sebagai medium seni visual yang dihasilkan oleh masyarakat zaman prasejarah untuk menyampaikan informasi. Ini adalah disebabkan pada zaman tersebut tidak ada sistem tulisan seperti yang ada dalam masyarakat moden pada hari ini. Antara motif atau lakaran lukisan gua yang pernah dicatat ialah seperti kuda, rusa, unta, babi hutan, kijang, burung hantu, dubuk, harimau bintang, *mammoths*, *ibexes*, beruang, penguin, bison, singa, badak sumbu, serigala dan sebagainya. *Style* atau *trend* motif binatang yang dipaparkan pada lukisan gua sering kali mengikut persekitaran setempat. Misalnya, kalau lokasi itu berada di kawasan gurun, maka lazimnya ia menampilkan motif unta iaitu sejenis binatang yang hidup di padang pasir. Manakala untuk kawasan sejuk atau tundra, ia menggunakan binatang seperti *bison*, rusa, *mammoths*, *ibexes* atau beruang.

Realitinya lukisan gua dihasilkan oleh masyarakat zaman lampau adalah sebagai satu kaedah untuk menyampaikan sesuatu maklumat, cerita dan sebagainya. Ini adalah berdasarkan paparan imej lukisan gua adalah di bahagian permukaan gua sama ada di bahagian luar atau dalam gua. Selain itu, kedudukan tinggi atau rendah lukisan gua adalah tidak sama antara satu lukisan gua dengan tapak lukisan gua yang lain.

Sementara itu, terdapat 3 jenis teknik atau kaedah yang sering diamalkan untuk menghasilkan lukisan gua, iaitu;

- a) *Petroglif (petrolyph)*
Teknik petroglif (*petrolyph*) merupakan pembentukan imej melalui beberapa jenis teknik seperti pahatan, lorekan, goresan, torehan atau kelaran. Ia dilakukan pada permukaan batu dengan menggunakan sejenis alat yang tajam dan bersifat keras.
- b) *Piktograf (pectograph)*
Teknik piktograf (*pectograph*) merupakan teknik melukis secara langsung (melukis terus) di atas permukaan batuan gua. Teknik ini dilakukan dengan menggunakan bahantara yang boleh menghasilkan warna seperti hematite, arang, tulang dibakar atau tanah liat.
- c) *Hand stencil*
Teknik *hand stencil* adalah sejenis teknik khusus menggunakan jari tangan dan semburan. Tangan dijadikan asas dengan meletakkannya di atas permukaan batu gua, kemudian semburan dibuat dengan menggunakan warna yang telah dipilih. Satu lagi teknik ialah dengan mewarnakan tapak tangan atau mencelup tangan ke dalam bahan pewarna. Kemudian tapak tangan yang telah berwarna tersebut diletakkan di atas permukaan batu gua sehingga ia menghasilkan cop tapak tangan.

Sejajar dengan tahap kemajuan dan teknologi zaman lampau yang terbatas, bahan yang digunakan untuk menghasilkan lukisan gua juga terhad dan ia hanya terdiri daripada dua jenis, iaitu;

- i. Salah satu bahantara yang digunakan dalam menghasilkan lukisan gua di Semenanjung Malaysia ialah arang. Kebanyakan lukisan gua di Semenanjung Malaysia adalah dihasilkan dengan menggunakan arang. Warna pada motif lukisan gua yang dihasilkan adalah hitam atau berwarna gelap.
- ii. Hematit adalah bahantara yang berwarna kemerah-merahan yang digunakan untuk menghasilkan lukisan gua di Semenanjung Malaysia. Setakat ini hanya sebuah tapak gua sahaja yang menggunakan hematit ditemui di negara ini iaitu di Gua Tambun, Perak.




Foto 2. Lukisan Gua (Semenanjung Malaysia)
 Sumber: Zulkifli Jaafar 2003

LOKASI PENEMUAN LUKISAN GUA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Penemuan lukisan gua di Semenanjung Malaysia lazimnya berlaku dalam dua keadaan. *Pertama*, penemuan lukisan gua disebabkan oleh ekspedisi penyelidik sewaktu membuat kajian awal. *Kedua*, penemuan lukisan gua disebabkan oleh penyelidikan dan ekskavasi arkeologi yang dilakukan di sesuatu tapak disertai dengan penemuan lakaran lukisan pada dinding atau syiling gua.

Secara umumnya, penemuan lukisan gua di beberapa tapak gua atau batu lindungan (*rock shelter*) di Semenanjung Malaysia telah bermula semenjak zaman kolonial lagi. Antara penyelidik kolonial yang pernah terlibat ialah J.M. Matthews yang melaporkan penemuan lukisan gua di Gua Tambun, Ipoh, Perak dalam tahun 1959 (John Matthews, 1959). Selepas itu penemuan beberapa tapak lukisan gua turut dilaporkan oleh penyelidik kolonial seperti I.V.N. Evans dalam tahun 1926 di Gua Badak, Lenggong, Perak. Selepas merdeka, beberapa penyelidik tempatan mula aktif membuat kajian dan melaporkan penemuan lukisan gua. Antaranya ialah Adi Taha & Zulkifli Jaafar (1990) yang melaporkan penemuan lukisan gua di Gua Kelawar, Gua Chawas, Gua Batu Cincin, Gua Lembing, Gua Tagut (Zulkifli Jaafar, 2003) dan Gua Mat Surat (Adnan Jusoh, 2011).

Secara ringkasnya penyelidikan dan penemuan lukisan gua adalah seperti di dalam jadual berikut;

Bil	Negeri	Lokasi	Catatan
1	Perak	Gua Tambun	<ul style="list-style-type: none"> Lukisan gua yang dihasilkan menggunakan hematit (J.M. Matthews 1959) Lukisan dipercayai tinggalan masyarakat Neolitik (Adi Taha & Zulkifli Jaafar 1990) Motif manusia, haiwan (babi hutan, tapir ikan dugong dan harimau), alam semula jadi & abstrak (Sanim Ahmad 2005)
		Gua Kelawar	<ul style="list-style-type: none"> Lukisan gua menggunakan arang (Adi Taha & Zulkifli Jaafar 1990) Motif berupa binatang, manusia (antaranya gajah, monyet atau tupai) & abstrak (Sanim Ahmad 2005)
		Gua Mat Surat	<ul style="list-style-type: none"> Penemuan lukisan gua menggunakan arang (Adnan Jusoh 2011)

			<ul style="list-style-type: none"> • Motif manusia, binatang, pokok & abstrak
		Gua Dayak	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan gua dipercayai dihasilkan oleh masyarakat Orang Asli dari kaum Lanoh • Motif manusia (manusia sedang menari, terkejut, memakai perisai, memasang ungun api, dua orang sedang menarik objek seperti pukut dan kemungkinan menangkap ikan dan manusia bertangan panjang), haiwan (rusa dan ikan) & geometri/abstrak (layang-layang, pucuk rebung & spiral) (Mokhtar Saidin 2008)
		Gua Badak	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan menggunakan arang & dipercayai dihasilkan oleh masyarakat Negrito (I.V.N. Evans 1929) • Guna teknik piktograf dan petroglif • Motif manusia (menari, ibu mengandung, imej manusia marah & mengandar sebatang galah) (Mokhtar Saidin 2008) • Motif binatang (anjing, burung, labah-labah & semut, biawak, monyet atau beruk) serta alat sumpitan dan corak abstrak • Pengaruh moden juga diabadikan antaranya sekumpulan manusia sedang berkawad, kereta dan lukisan segulung tikar (Sanim Ahmad 2005)
		Gua Batu Tukang	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan monokrom hitam dari bahan arang • Lukisan berbentuk motif figura manusia, haiwan, bentuk tikar dengan ragam hias geometrik dan abstrak (Sanim Ahmad 2005) • Lukisan dipercayai dihasilkan oleh masyarakat Negrito dari suku Lanoh (Hamid Mohd Isa 2010)
		Gua Gelok	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan monokrom hitam dari bahan arang • Motif agak sukar dikesan, namun ia menyerupai figura manusia (manusia berdiri dengan mendepakan tangan di pinggang dan manusia menunggang haiwan) dan motif haiwan (Mokhtar Saidin 2008)
		Gua Batu Putih	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan menggunakan monokrom hitam dari bahan arang & juga ada motif lukisan yang digores dengan batu • Motif manusia (menari dan tangan didepakan), binatang (babi) & abstrak (Mokhtar Saidin 2008)
2	Kelantan	Gua Chawas	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan gua ditemui menggunakan arang (Zulkifli Jaafar 2003)
		Gua Batu Cincin	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan gua ditemui pada 1993 menggunakan arang (Zulkifli Jaafar 2003) • 53 motif manusia dan haiwan pelbagai bentuk pada 27 panel (Zulkifli Jaafar 1993) • Turut memaparkan imej manusia menari, satu keluarga menunjukkan simbol kesuburan, motif geometrik dan abstrak • Lukisan gua di tapak ini dikategorikan sebagai lukisan primitif masyarakat protosejarah masyarakat Negrito (Adi Taha & Zulkifli Jaafar 1990)
		Gua Lembing	<ul style="list-style-type: none"> • Penemuan lukisan gua menggunakan arang dan dipercayai dilukis oleh Orang Asli Negrito • Motif manusia melakukan upacara tarian sewang, imej wanita yang memakai hiasan di kepala, imej kaum lelaki yang sedang memegang lembing dan sumpitan buluh

			(Zulkifli Jaafar 2003)
		Gua Tagut	<ul style="list-style-type: none"> • Penemuan lukisan gua menggunakan arang • Lukisan gua menampilkan imej haiwan, manusia, lakaran abstrak dan upacara tarian sewang (Zulkifli Jaafar 2003)
		Gua Kambing	<ul style="list-style-type: none"> • Penemuan lukisan gua menggunakan arang dalam tahun 1993 • Lukisan gua menampilkan 13 bentuk figura manusia, haiwan, lakaran abstrak dan upacara tarian sewang (Zulkifli Jaafar 2003)
3	Pahang	Gua Luas, Kuala Kenyam	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan gua ini ditemui oleh Persatuan Pencinta Alam pada tahun 1985 • Penemuan lukisan gua menggunakan arang • Menampilkan motif berbentuk geometrik, rajah berpetak, garisan ringkas, abstrak yang amat hampir dengan hiasan pada alah buluh masyarakat Orang Asli Negrito (Sanim Ahmad 2006)
4	Kedah	Gua Batu Putih, Kodiang	<ul style="list-style-type: none"> • Penemuan lukisan gua menggunakan arang • Figura manusia dengan berbagai ragam dan gaya, haiwan, sampan & layang-layang (Zokhi 1994)

SIGNIFIKAN MOTIF DAN SIMBOLISME LUKISAN GUA

Signifikan motif dan simbolisme lukisan gua dalam konteks untuk memahami sosiobudaya masyarakat yang menghasilkan boleh ditinjau dari beberapa aspek. Antara aspek yang boleh diteliti ialah cara atau kaedah masyarakat menyerlahkan motif atau pola hiasan. Ada beberapa pandangan berkaitan dengan klasifikasi jenis motif yang dipaparkan pada lukisan gua. Misalnya, sarjana China membahagikan motif lukisan gua Huashan Rock Art kepada tiga jenis iaitu manusia, haiwan dan artifak (Hu Pengcheng 2004). Sementara itu Adi Taha & Zulkifli Jaafar (1990) membahagikan ia kepada lima iaitu figura manusia, figura haiwan, bentuk-bentuk unsur alam, bentuk-bentuk bot atau sampan dan bentuk abstrak (Sanim Ahmad, 2006).

Walau bagaimanapun, sesuatu yang menarik berkaitan dengan lukisan gua ialah motif dan pola hiasannya juga kadang kala boleh dikenal pasti, namun ada juga yang sukar dikenal pasti dan kabur. Misalnya, terdapat beberapa jenis motif lukisan gua yang dipaparkan.

Manusia

Motif berbentuk figura manusia antara jenis motif yang paling digemari kerana ia ditemui hampir di semua tapak lukisan gua di Semenanjung Malaysia. Secara umumnya, imej berbentuk manusia yang dipaparkan adalah berbentuk ringkas di mana ia menggunakan corak garisan untuk menghasilkan lukisan ini atau kadang-kadang ia disebut orang lidi. Walau bagaimanapun motif manusia digambarkan dalam berbagai rupa bentuk yang menunjukkan ia melakukan ia sedang melakukan sesuatu aktiviti. Misalnya, figura manusia menari, memburu, berkawad atau berbaris dan sebagainya. Berikut adalah beberapa contoh motif figura manusia yang ditemui di beberapa tapak lukisan gua di Semenanjung Malaysia.




Foto 3. Gua Batu Cincin & Gua Kambing (Kelantan)

Haiwan

Haiwan merupakan antara figura motif yang turut dipaparkan pada lukisan gua di Semenanjung Malaysia. Antara jenis motif binatang yang ditemui ialah dugong, tapir, monyet atau beruk, harimau dan sebagainya. Misalnya, di Gua Tambun ditemui motif figura berupa dugong dan tapir. Lazimnya haiwan yang dipaparkan pada lukisan adalah binatang yang menjadi buruan masyarakat pada ketika itu sebagai makanan seharian. Sementara di Gua Kelawar ditemui motif figura berupa monyet atau kera dan gajah. Begitu juga di Gua Badak, Perak ditemui motif figura berupa monyet atau kera.




Foto 4. Gua Kelawar & Gua Tambun (Perak)

Alam Semula Jadi

Imej pokok mudah dikesan kerana ia memaparkan imej sebatang pokok yang berdaun panjang seolah-olah pokok kelapa atau tebu. Imej pokok lebih mudah dikaitkan dengan aktiviti pertanian atau kawasan perkampungan. Dengan kata lain gambaran alam semula jadi adalah persekitaran yang menjadi latar belakang kehidupan masyarakat pada ketika itu. Malah ada juga lukisan gua yang seolah-olah memaparkan aktiviti ikhtiar hidup masyarakat Orang Asli Negrato dan hubungan dengan alam semula jadi, iaitu lukisan di Gua Badak, Perak (Sanim Ahmad 2005).



Foto 5. Gua Badak (Perak)

Abstrak

Lukisan berbentuk abstrak juga ditemui di kebanyakan gua di Semenanjung Malaysia. Lukisan berbentuk abstrak sebenarnya tidak mempunyai ciri yang tertentu namun ia agak sukar ditafsirkan dengan tepat. Bahkan tidak diketahui adakah lukisan berbentuk abstrak dihasilkan oleh orang yang tidak pandai melukis, tergesa-gesa, lukisan tidak siap atau sebagainya. Ia mungkin berupa garisan yang pelbagai bentuk sama ada lurus, melengkung atau garisan putus-putus atau titik-titik di mana maksud sebenar hanya diketahui oleh individu yang membuat sahaja.




Foto 6. Gua Tambun (Perak)

Sementara motif yang berbentuk geometrik lebih cenderung dalam keadaan geometri. Ia lazimnya memaparkan ciri motif berbentuk segi tiga, segi empat, zig zag dan sebagainya. Antara lukisan berbentuk abstrak sangat ketara di Gua Luas, Kuala Kenyam, Pahang dan Gua Dayak, Lenggong, Perak.




Foto 7. Gua Luas, Kuala Kenyam, Pahang

Kapal Layar

Imej kapal layar mudah dikenali kerana ia memaparkan imej sebuah kapal yang mempunyai layar yang kembang seolah-olah sedang belayar. Ilham menggunakan motif kapal layar adalah petunjuk bahawa sudah wujudnya interaksi di antara masyarakat tempatan dengan komuniti luar. Impaknya mereka sudah mula menerima pengaruh dan idea-idea dari luar di dalam kehidupan seharian mereka sama ada dalam bentuk perdagangan, komunikasi dan sebagainya. Dengan kapal layar tersebut manusia lebih mudah bergerak sama ada untuk aktiviti penerokaan, kelautan, perdagangan atau bergerak ke sesuatu lokasi.



Foto 8. Gua Mat Surat

MASYARAKAT YANG MENGHASILKAN LUKISAN GUA

Terdapat beberapa pandangan mengenai siapa yang menghasilkan lukisan gua di Semenanjung Malaysia, antaranya;

a) *Masyarakat Neolitik*

Pandangan ini dikemukakan oleh Adi Taha dan Zulkifli Jaafar (1990) berdasarkan penemuan lukisan gua di tapak Gua Tambun, Perak. Masyarakat Neolitik muncul selepas berakhirnya zaman Paleolitik di mana masyarakatnya lebih maju sedikit berbanding sebelumnya. Mereka sudah tinggal menetap, hidup bertani dan boleh menghasilkan tembikar tanah. Walau bagaimanapun gua sering dijadikan sebagai destinasi persinggahan sementara kerana mereka mengamalkan ekonomi memburu mengumpul dan cara hidup berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain (Sanim Ahmad, 2005)

b) *Masyarakat Negrito*

Pandangan ini dikemukakan oleh Adi Taha dan Zulkifli Jaafar (1990) berdasarkan penemuan lukisan gua di tapak Gua Kelawar, Perak. Selain dijumpai lukisan gua di tapak ini, turut dijumpai serpihan tembikar tanah, alat batu dan sisa makanan masyarakat prasejarah berupa siput sedut dari jenis *Brotia Costula* dan *Brotia Spinoza*. Sementara itu, berdasarkan lukisan gua di Gua Luas yang memaparkan bentuk muka bumi sekitar yang turut mempunyai tasik dan sungai serta rajah berpetak dapat diterjemahkan sebagai kawasan kediaman atau petempatan dan berhuma (Sanim Ahmad 2006). Selain itu, motif lain seperti sikat, sumpit, barang perhiasan lebih hampir dengan ciri-ciri kesenian kaum asli masyarakat Negrito. Seungguhpun demikian, menurut Adi Taha & Zulkifli Jaafar lukisan gua di Gua Kelawar dihasilkan oleh suku kaum yang berlainan dari lukisan gua di Gua Badak, Lenggong (Evans 1929) atau Gua Luas, Kuala Kenyam, Pahang (Adi Taha & Zulkifli Jaafar 1990).

c) *Masyarakat Negrito Dari Suku Lanoh*

Pandangan ini dikemukakan oleh Hamid Mohd. Isa (2010) berdasarkan penemuan lukisan gua di tapak Gua Batu Tukang, Perak. Beliau mencadangkan lukisan gua yang terdapat di gua tersebut adalah dihasilkan oleh masyarakat Negrito dari suku Lanoh yang tinggal di sekitar kawasan tersebut kira-kira 200 tahun dahulu (Sanim Ahmad, 2005).




Foto 9. Gua Kelawar (Perak) dan Gua Luas (Pahang)

KESIMPULAN

Penemuan lukisan gua di beberapa tapak gua batu kapur di Semenanjung Malaysia secara tidak langsung menunjukkan negara kita juga mempunyai khazanah warisan yang sangat tinggi nilainya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat awal di negara kita semenjak dari zaman Neolitik atau masyarakat Orang Asli lagi sudah mempunyai daya kreativiti yang tinggi dan ini diterjemahkan dalam berbagai bentuk seni visual berupa lukisan, simbol dan sebagainya. Persoalannya, sejauh mana lukisan gua di Semenanjung Malaysia mampu bertahan kerana ia terdedah kepada pelbagai anasir yang boleh merosakkan. Ini kerana selain diancam oleh faktor alam, aktiviti manusia adalah antara faktor utama yang boleh menjadi ancaman kepada kelestarian lukisan gua.

RUJUKAN

- Adi Taha & Zulkifli Jaafar. 1990. A preliminary report on archaeological research and excavation at Gua Kelawar, Sungai Siput, Perak. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 3: 111-124.
- Adnan Jusoh, 2011a. "Lukisan gua di Gua Mat Surat, Lembah Kinta, Perak", Dlm. *Perak: Warisan Arkeologi*, disunting oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Adnan Jusoh. 2011b. Warisan semula jadi gua-gua batu kapur di Lembah Kinta. Dlm. *Perak: Warisan, Budaya & Sejarah*, disunting oleh Abdullah Zakaria Ghazali dan Mohd Radzi Hj. Ahmad Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Alexey E. Rogozhinskiy. 2011. Rock art sites in Kazakhstan. Dlm. *ICOMOS-Rock art in Central Asia*, disunting oleh Jean Clottes. Paris: ICOMOS.
- Bakyt Amanbaeva, et al. 2011. Rock art in Kyrgyzstan. Dlm. *ICOMOS-Rock art in Central Asia*, disunting oleh Jean Clottes. Paris: ICOMOS.
- Clottes, Jean. 2008. *Cave art*. London & New York: Phaidon Press.
- Evans, I.H.N. 1929. Negrito cave drawings at Lenggong, Upper Perak. *JFMSM* XII: 105-108.
- Hamid Mohd Isa. 2010. Keturunan pemburu pemungut Lanoh Lenggong: Satu perspektif etnoarkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 23: 1-12.
- Hu Pengcheng. 2004. Review of Guangxi cliff drawing research. *Expression* No. 6: 121-133.
- John Matthews, 1959. Rock painting near Ipoh. *Malaya in History*. Kuala Lumpur: The Malayan Historical Society.
- John Mock, 2013. New discoveries of rock art in Afghanistan's Wakhan corridor and Pamir: A preliminary study, *The silk road - The bridge between Eastern and Western cultures* 11: 36-53.
- Md. Zokhi Tahir. 1994. *Gua Kerbau dan Gua Batu Putih*. (Laporan tidak diterbitkan).
- Mokhtar Saidin. 2008. Seni visual prasejarah: Sumbangannya kepada negara. Kertas kerja dibentangkan di *Prosiding Sidang Seni SINI 08*, 19-20 Ogos, Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.
- Rogozhinskiy, A.E. 2011. Rock art sites in Kazakhstan. Dlm. *ICOMOS-Rock art in Central Asia*, disunting oleh Jean Clottes. Paris: ICOMOS.
- Sanim Ahmad. 2006. Lukisan primitif gua batu kapur Malaysia II, *Jurnal Arkeologi Malaysia* 19: 15-26.
- Sanim Ahmad. 2005. Lukisan primitif gua batu kapur Malaysia I, *Jurnal Arkeologi Malaysia* 18: 97-117.
- Zulkifli Jaafar. 2003. *Gua-gua batu kapur di Malaysia-dalam perspektif arkeologi*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.

Adnan Jusoh (Ph.D)
Associate Profesor
Department of History,
Faculty of Human Sciences,
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my







Yunus Sauman @ Sabin (Ph.D)
Senior Lecturer
Department of History,
Faculty of Human Sciences,
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my

Zuliskandar Ramli (Ph.D)
Deputy Director/Associate Professor
Institute of the Malay World and Civilization (ATMA),
National University of Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: ziskandar2109@gmail.com





Received : 15 October 2017

Accepted : 26 November 2017







Lampiran 1

<p>Gua Tagut (Kelantan) Figura manusia</p>	<p>Gua Tagut (Kelantan) Figura manusia & geometri</p>
	
<p>Gua Badak (Perak) Figura manusia berkawad</p>	<p>Gua Kelawar (Perak) Figura manusia</p>
	
<p>Gua Mat Surat (Perak) Figura manusia</p>	<p>Gua Batu Putih, Koding (Kedah) Figura manusia</p>
	

Lampiran 2

<p>Gua Dayak (Perak) Figura manusia, geometri & abstrak</p>	<p>Gua Dayak (Perak) Figura manusia, geometri & abstrak</p>
	
<p>Gua Badak (Perak) Figura haiwan</p>	<p>Gua Badak (Perak) Lukisan berciri zoomorfik</p>
	
<p>Gua Badak (Perak) Figura geometri</p>	<p>Gua Batu Putih (Perak) Figura manusia</p>
	

Lampiran 3

<p>Gua Batu Putih (Perak) Figura haiwan</p>	<p>Gua Batu Tukang (Perak) Figura abstrak</p>
	
<p>Gua Dayak (Perak) Figura manusia</p>	<p>Gua Dayak (Perak) Haiwan</p>
	
<p>Gua Dayak (Perak) Geometri</p>	<p>Gua Gelok (Perak) Figura manusia</p>
	
<p>Gua Gelok (Perak) Figura Haiwan</p>	<p>Gua Badak (Perak) Figura manusia</p>
